

Bil. S 26

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENGEDARAN DADAH
(MENDAPATKAN KEMBALI HASIL) (PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 7 dari Penggal 178.
 3. Pemasukan bab 23A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENGEDARAN DADAH
(MENDAPATKAN KEMBALI HASIL) (PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil) (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 7 dari Penggal 178.

2. Bab 7 Akta Pengedaran Dadah (Mendapatkan Kembali Hasil), adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(4) Sebarang amaun yang didapatkan kembali atau bagi menyelesaikan suatu perintah perampasan hendaklah dibayar ke dalam Dana Perampasan Kesalahan Jenayah yang ditubuhkan di bawah bab 30(1) dari Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil), 2000 (S 52/2000).".

Pemasukan bab 23A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 23 —

"Perakuan Peguam Negara.

23A. Jika, berkenaan dengan mana-mana negara yang ditetapkan, tiada pihak berkuasa dinyatakan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah bab 23(1), suatu perakuan yang dibuat oleh Peguam Negara dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* yang bermaksud bahawa mana-mana pihak berkuasa yang dinyatakan di dalamnya adalah pihak berkuasa yang berkenaan bagi maksud-maksud bab itu dan peruntukan lain Akta ini sebagaimana yang diubahsuai oleh suatu perintah yang dibuat di bawah bab itu, adalah keterangan yang mencukupi tentang fakta itu.".

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 7 haribulan Jun, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM